**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

# KENYATAAN MEDIA

**UNTUK SIARAN SERTA MERTA**

**KES RUNTUHAN**
**DI RAMP 2 PAKEJ 3A : BATU MAUNG INTERCHANGE**
**PROJEK JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG (JPP2)**
**PADA 6 JUN 2013**

**Kuala Lumpur, Jumaat, 7 Jun 2013** - Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang (JPP2) adalah sebuah projek Kerajaan Persekutuan yang menyambungkan Batu Maung di bahagian pulau ke Batu Kawan di tanah besar. Panjang keseluruhan JPP2 adalah 24km iaitu 17km merupakan jambatan di atas kawasan laut dan baki 7km merupakan lebuh raya di kawasan darat.

Pembinaan JPP2 ini dilaksanakan oleh syarikat Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) yang merupakan sebuah syarikat 100% milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Perjanjian Konsesi antara JKSB dan Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya telah ditandatangani pada 12 Mei 2011. Pihak syarikat konsesi, perunding dan kontraktornya adalah bertanggungjawab terhadap pengawasan pembinaan projek. Manakala pemantauan pelaksanaan projek secara keseluruhannya oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Kos pembinaan projek JPP2 adalah dianggarkan RM4.5 billion.

# KENYATAAN MEDIA

## UNTUK SIARAN SERTA MERTA

### KES RUNTUHAN DI RAMP 2 PAKEJ 3A : BATU MAUNG INTERCHANGE PROJEK JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG (JPP2) PADA 6 JUN 2013

Kuala Lumpur, Jumaat, 7 Jun 2013 - Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang (JPP2) adalah sebuah projek Kerajaan Persekutuan yang menyambungkan Batu Maung di bahagian pulau ke Batu Kawan di tanah besar. Panjang keseluruhan JPP2 adalah 24km iaitu 17km merupakan jambatan di atas kawasan laut dan baki 7km merupakan lebuh raya di kawasan darat. Pembinaan JPP2 ini dilaksanakan oleh syarikat Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) yang merupakan sebuah syarikat 100% milik Menteri Kewangan

Diperbadankan (MKD). Perjanjian Konsesi antara JKSB dan Kerajaan melalui

Kementerian Kerja Raya telah ditandatangani pada 12 Mei 2011. Pihak syarikat konsesi, perunding dan kontraktornya adalah bertanggungjawab terhadap pengawasan pembinaan projek. Manakala pemantauan pelaksanaan

projek secara keseluruhannya oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Kos

pembinaan projek JPP2 adalah dianggarkan RM4.5 billion.

Projek JPP2 ini telah dibahagikan kepada beberapa pakej pembinaan. Prestasi keseluruhan sebenar JPP2 sehingga 31 Mei 2013 adalah **95.08% berbanding 94.86% jadual**. JKSB mensasarkan untuk membuka JPP2 pada **September 2013.**

**PAKEJ 3A : BATU MAUNG INTERCHANGE**

JKSB telah melantik kontraktor Cergas Murni Sdn Bhd. untuk melaksanakan pembinaan persimpangan di pakej ini. Kemajuan sebenar **Pakej 3A** sehingga 31 Mei 2013 adalah **87.29% berbanding 88.13% jadual**.

Kejadian runtuhan penyambung susur keluar JPP2 di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu telah berlaku pada jam 19.09 pada 6 Jun 2013. Bomba melaporkan bahawa terdapat sebuah kenderaan dihempap oleh struktur jambatan yang runtuh dan kerja-kerja pengasingan struktur mula dijalankan.

**Sehingga kini, kerja-kerja pengalihan sisa-sisa runtuhan sedang diteruskan untuk mengeluarkan mangsa di tempat kejadian**. Arahan Berhenti Kerja (Stop Work Order) daripada JKSB kepada Cergas Murni Sdn Bhd telah pun dikeluarkan manakala arahan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (Department of Occupational Safety and Health : DOSH) akan dikeluarkan dalam masa terdekat ini.

Isu-isu mengenai keselamatan di tapak pembinaan adalah di bawah bidangkuasa DOSH dan pihaknya akan menjalankan penyiasatan yang mendalam. Namun Kementerian Kerja Raya akan **menubuhkan satu pasukan pakar** untuk menyiasat punca insiden ini dan mengenalpasti faktor



---

Projek JPP2 ini telah dibahagikan kepada beberapa pakej pembinaan.

Prestasi

keseluruhan sebenar JPP2 sehingga 31 Mei 2013 adalah 95.08% berbanding

94.86% jadual. JKSB mensasarkan untuk membuka JPP2 pada September

**2013.**

**PAKEJ 3A : BATU MAUNG INTERCHANGE**

JKSB telah melantik kontraktor Cergas Murni Sdn Bhd. untuk

melaksanakan pembinaan persimpangan di pakej ini. Kemajuan sebenar

**Pakej 3A sehingga 31 Mei 2013 adalah 87.29% berbanding 88.13% jadual.**

Kejadian runtuhan penyambung susur keluar JPP2 di Lebuhraya Tun

Dr. Lim Chong Eu telah berlaku pada jam 19.09 pada 6 Jun 2013. Bomba

melaporkan bahawa terdapat sebuah kenderaan dihempap oleh struktur

jambatan yang runtuh dan kerja-kerja pengasingan struktur mula dijalankan.

**Sehingga kini, kerja-kerja pengalihan sisa-sisa runtuhan sedang**

**diteruskan untuk mengeluarkan mangsa di tempat kejadian. Arahan**

Berhenti Kerja (Stop Work Order) daripada JKSB kepada Cergas Murni Sdn

Bhd telah pun dikeluarkan manakala arahan daripada Jabatan Keselamatan

dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (Department of Occupational Safety and

Health : DOSH) akan dikeluarkan dalam masa terdekat ini.

Isu-isu mengenai keselamatan di tapak pembinaan adalah di bawah

bidangkuasa DOSH dan pihaknya akan menjalankan penyiasatan yang

mendalam. Namun Kementerian Kerja Raya akan menubuhkan satu

pasukan pakar untuk menyiasat punca insiden ini dan mengenalpasti faktor

runtuhan, kompetensi pekerja dan pengendalian kontraktor di tapak sama ada mematuhi tatatcara kerja dan mengesyorkan langkah-langkah untuk mengelakkan insiden seperti ini daripada berulang di projek-projek pembinaan Kerajaan dan Swasta.

**Ketua Setiausaha**

**Kementerian Kerja Raya**

**7 Jun 2013**



runtuhan, kompetensi pekerja dan pengendalian kontraktor di tapak sama

ada

mematuhi tatatcara kerja dan mengesyorkan langkah-langkah untuk

mengelakkan insiden seperti ini daripada berulang di projek-projek pembinaan

Kerajaan dan Swasta.

**Ketua Setiausaha**

**Kementerian Kerja Raya**

**7 Jun 2013**